

82.6% buang undi di UMP

4/10/07 ms: 13

KUANTAN - Seramai 3,133 daripada keseluruhan 3,795 pelajar menunaikan tanggungjawab mereka dengan turun mengundi dalam pilihan raya kampus di Universiti Malaysia Pahang (UMP), Gambang di sini kelmarin.


Ia menjadikan jumlah pelajar UMP yang mengundi tahun ini ialah sebanyak 82.6 peratus, naik 1.3 peratus berbanding 81.3 peratus pada pilihan raya tahun lalu.

Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP, Prof. Dr. Abd. Jalil Borham selaku Pengerusi Suruhanjaya Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengesahkan peratusan itu ketika mengumumkan jumlah undi yang dicatatkan calon-calon yang bertanding.

Pengumuman tersebut yang dibuat pada pukul 5.10 petang kelmarin, kira-kira 10 minit selepas undian ditutup itu turut dihadiri Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat



PILIHAN RAYA
KAMPUS



SEBAHAGIAN pelajar yang menjalankan kewajipan mengundi pada pilihan raya kampus di UMP, Gambang semalam.

Lela.

Daripada lapan calon yang bertanding merebut lima kerusi umum, mereka yang dipilih selepas mendapat lima undian tertinggi ialah Wan Nazi-

rah Wan Mohamad (2,470 undi), Muhammad Afiq Zali (2,186), Salman Razeni (2,107), Maryam Ismail (1,963) dan Ahmad Nabil Shari (1,941).

Sementara itu, 10 daripada 14 calon

yang bertanding untuk kerusi fakulti berjaya memenangi kerusi bagi fakulti masing-masing.

Kerusi Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam dimenangi Mohd. Shahir Zahari dan Zulaikha Roslan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik dimenangi Mohd. Zulfadly Zainuddin dan Fatin Roziana Misran.

Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli dimenangi Hanis Farzana Mohd. Sadek dan Zaidatul Akmal Mohd. Mustapha, manakala Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dimenangi Jeffry Ahmad dan Mohammad Said Alias.

Sementara, bagi Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan, dua calonnya, Mohd. Jamilulhakim Kamarulafandi dan Emma Sofia Zulkifli menang tanpa bertanding.

"Alhamdulillah, proses pengundian hari ini (kelmarin) berjalan dengan lancar tanpa sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

"Lagipun di UMP tiada calon pembangkang dan kesemua 22 calon yang bertanding ini adalah calon universiti sendiri," kata Dr. Abd. Jalil ketika ditemui KOSMO! di sini petang kelmarin.